

## Pembentukan Manusia Demokratis

Oleh

Azhar Ibrahim Alwee

---

Seringkali demokrasi itu hanya ditanggapi sebagai konsep politik. Tidaklah ini kita nafikan, kecuali ingin menambah akan maksud demokrasi itu sendiri. Dalam hal ini, kita cenderung untuk membutirkan perbincangan demokrasi oleh Zevedei Barbu. Beliau mentakrifkan demokrasi itu sebagai rangka pemikiran yang akan membantu dan mencorakkan kehidupan ini. Kerana ingin keluar daripada takrif umum demokrasi dari perspektif *liberal economy*, Barbu melihat demokrasi sebagai suatu cara hidup yang etis di mana: “[*b*]uman personality and personal relations form the basis of the scale of value in such a society. The essence of democracy is human dialogue.” Justeru itu, apabila menyebut masyarakat yang demokratis, ianya bererti: “*a flexible society, that is, a social structure open to change and novelty, and yet preserving its own basic character.*”

Salah satu matlamat pendidikan dari perspektif psikologi dan dalam konteks masyarakat moden ialah memastikan terbentuknya pribadi yang demokratis yang menjadi antitesis kepada pribadi yang autoritarian. Masyarakat kita yang membangun hari ini memerlukan tipe pribadi bersifat demokratis yang sesungguhnya memiliki ciri-ciri berikut: ( a ) kesediaan untuk bekerjasama dengan yang lain dalam lingkungannya ; ( b ) menjauhi sikap dominatif, iaitu mengelakkan menggunakan kekerasan dan tekanan kepada orang lain ; ( c ) sebaliknya ada sikap intergratif, iaitu tidak mahu untuk memaksakan idea-ideanya ke atas orang lain dan ia toleran kepada perbedaan kerana perbedaan itu mendedahkan ia kepada perubahan, dan ( d ) dengan sikap toleran yang tinggi ini, dapat hidup dalam semangat bekerjasama walaupun ada perbedaan. Pribadi demokrasis ini juga ( e ) tidak memilih untuk bergaul atau mendekati hanya mereka yang bersetuju dengan mereka ; ( f ) ia tidak mudah berprasangka, malah, menunjukkan sifat terbuka, dinamis, kreatif dan waspada. Sedang pribadi demokratis ini senang dengan perubahan dan kritik, namun tidak sampailah membawa kepada kekeliruan apabila ia menyesuaikan dengan ragam-ragam perbedaan yang ada. Namun, perlu kita maklum bahawa ciri-ciri positif peribadi demokratis ini bukanlah sesuatu yang “*fixed and immutable*”.

Manusia yang diperkasakan sifat demokratis ke atas dirinya, sebagaimana yang dicirikan oleh George Wood, seadanya: ( a ) mempercayai hak individu dan pertanggungjawabannya berpartisipasi secara terbuka ; ( b ) meyakini bahawa sumbangan seseorang itu secara politik adalah penting ; ( c ) menghargai nilai yang terdapat dalam prinsip-prinsip demokrasi seperti kesamarataan, kebebasan dan kehidupan berkomuniti ; ( d ) menyedari akan aturan sosial yang alternatif daripada status quo yang sedia ada, dan ( e ) memiliki kesediaan dan kemahiran intelektual untuk berpartisipasi dalam khalayak publik. Sebagaimana juga seorang penulis pernah menyatakan: “*democracy requires a certain kind of citizen ....citizen who feel responsible for something more than their own well-feathered little corner; citizens who want to participate in society's affairs, who insist on; citizens with backbones; citizens who hold their ideas about democracy at the deepest level.*”

Pembentukan manusia demokratis harus terarah sebagai *proses*, bukan keobsessian yang terhasil dengan formula-formula tertentu. Ianya adalah proses yang terarah untuk menjadi (*becoming*) dan bukan pula produk insan yang dicipta/tersudah. Mengingatkan hal ini, kita perlu jelas bahawa keberdayaan pemikiran kritis (juga kreativiti) sebaiknya dilihat sebagai suatu proses pewujudan (*being*) dan bukan pula suatu pemilikan (*having*). Ataupun, boleh kita fahamkan sebagai “*the critical person has not only the capacity (the skills) to seek reasons, truth, and evidence, but also that he or she has the drive (disposition) to seek them.*” Pendirian falsafah seperti ini penting. Begitu juga pengiktirafan atas potensi manusia supaya kita dapat mengolah pendekatan pembelajaran untuk memastikan terbentuknya budaya kreativiti dan kritikal.

Tentunya ini hanya terhasil sekiranya ada perancangan yang ingin kita usahakan dalam sistem pendidikan kita. Ertinya, perubahan sosial dipastikan menerusi pendidikan yang bersifat transformatif. Namun kita perlu jelas adanya keterkaitan antara perubahan masyarakat dengan sistem pendidikan yang anjal berubah untuk mencapai matlamat yang pertama. Seharusnya diingati: “*The transformation of education cannot take place before the transformation of society, but this transformation of society needs education.*” Dalam merancang ke arah transformasi masyarakat dan manusia, keprihatinan secara sosiologikal dan psikologikal amatlah signifikan. Ini langsung mengelakkan pengajuan yang formalistik:

“It is by no means true that we have to deal with a given human type and hence must order our society according to the dictates of an immutable human nature. What we do is rather to accept the older human type as it stands in the first place, and then try by wise strategy, to guide it while it is still in action. It is promising and thoroughly realistic to try to transform a person when we meet him in a dynamic environment, so that we can stimulate a change in his psychological reaction, conduct and ideas, with a continuous reference to the changing stimuli of the social background.”

Adalah menjadi keutamaan dalam pedagogi kemanusiaan kritis untuk mengedepankan persoalan pembentukan dan pembangunan manusia demokratis. Hari ini, dalam banyak wacana ilmiah maupun popular, kita mendengar pelbagai cakapan dan seruan ke arah demokrasi. Dalam sains politik, perbincangan demokrasi sering diungkapkan dalam segi struktur politik, rangkaian pengaruh dan kuasa kepartian, kehadiran kelompok sivil dalam NGO, kumpulan melobi atau militer, kolusi dengan masyarakat perniagaan dan sebagainya. Pendek kata, demokrasi itu ditanggapi umumnya hanya dalam segi percaturan politik dan institusi yang sedia ada dalam negara untuk menampung demokrasi. Namun, jarang pula kita mendengar persoalan membangun manusia demokratis, dan bagaimana pula kita mencapai matlamat itu. Kalau suatu waktu, ramai yang menjulang kumpulan sivil sebagai penggerak ke arah pendemokrasian, maka sudahlah masanya kita memberi ruang dan renungan serius dalam mengerakkan semangat dan pribadi demokratis di kalangan kita.

Demokrasi bukan eksklusif berkenaan politik, pilihanraya ataupun politik kepartian. Juga, demokrasi tidak wujud dalam ruang kosong dan bukan juga dapat berdiri dengan paksaan, jauh lagi terbina sejurus selepas rusuhan. Sekiranya kita semakin matang untuk menolak *demokrasi procedural*, berbanding *demokrasi substantive*, makanya harus kita lanjutkan bagaimanakah kita merancang pembentukan manusia demokrasi yang akan menjadi asas terpenting dalam apa jua masyarakat demokrasi yang ingin kita bina bersama. Jelas sekali di sinilah letaknya peri pentingnya pengajuan pedagogi yang memberati pembinaan manusia

demokratis menerusi pendidikan. Selagi kita keberatan untuk membicarakan manusia demokratis, selagi itu pembudayaan demokratis tidak dapat berkukuh teguh, betapapun kita bijak memikirkan struktur untuk demokrasi.

## Menyemai Cita dan Praktis Demokrasi

Ramai yang bergantayangan ingin reformasi untuk demokrasi, akan mudah terus mara dalam politik kepartian, debat perlembagaan ataupun tunjuk-rasa melaungkan hak demokrasi. Tetapi, tidak ramai pula yang berkepedulian untuk membentuk personaliti demokratis di kalangan anak bangsa kita melalui pendidikan. Ini kerana demokrasi disempitkan menjadi politik kepartian untuk berkuasa, tetapi jarang pula memikirkan dan merancang untuk menyemai bibit-bibit awal untuk menumbuhkan manusia yang menghargai demokrasi.

Menurut Karl Mannheim, demokrasi yang sebenarnya tidak akan wujud selagi tiada pemaduan antara struktur demokrasi dan personaliti demokrasi dalam sesebuah masyarakat. Dalam erti kata lain, demokrasi bermula dalam kelas, tetapi ini tidak dimulakan dengan cogankata atau dekri, melainkan penerokaan yang bermula hari ini, di kalangan generasi yang ingin kita bentuk dan didik. Untuk pelestarian demokrasi dalam pendidikan di sekolah, perlulah terlebih dahulu kita memahami sebab musabab wujud praktis ketidakdemokrasian.

*“A democratic education must not only prepare upcoming generations to be both capable and effective workers and capable of critically considering and effectively challenging the separation between these two roles and between the dictatorship characteristic of a capitalist economy and the democracy of a liberal polity and thus leading, hopefully, to the making of democratic changes and developments in both...Moreover, a democratic education must involve not just a process of transmission and inculcation of ideas and ideals but, also, an experience of engaging, working through, and possibly even transforming the. That is, not only the ideas and ideals of education, but the activity itself must be recognized as contributing (or not) to the making of active and critical democratic citizens...”*

Tiadalah dapat disangkal lagi pembudayaan demokrasi bermula dalam bilik darjah. Di sinilah letaknya kepentingan pedagogi kritikal yang menyediakan ruang kepada para pelajar untuk belajar menghargai perbedaan, belajar membuat keputusan, belajar mengaturkan hujah akan pendapat yang mereka ambil, belajar untuk mengaitkan apa yang mereka alami dalam kelas dengan apa yang berlaku di luar dan sebaliknya. Guru, dalam usaha ingin memperkasakan etos demokrasi di kalangan pelajar, seharusnya mengambil peranan sebagai *co-investigator* apabila para pelajar didedahkan kepada perbincangan-perbincangan berkenaan kehidupan mereka dengan apa yang sedang dan telah berlaku di luar sana. Apa yang diperlukan yang pemupukan pemikiran yang bersifat *convergent* ialah:

*“Instead of seeing a situation as a competition between conflicting options, students would see the potential for the merging, compromise, or interplay of ideas. Although democracy does not imply intellectual relativism, we do want to take the culture and beliefs of other groups seriously. Helping*

children to understand the connectedness of their own ideas and of those in the larger society is also necessary to combat dualistic thinking. The classroom is the ideal place to show by example that autonomy and interconnection are not mutually exclusive.”

Samalah wajarnya apabila Freire menyebut: “*For only as men grasp the themes [of their times] can they intervene in reality instead of remaining mere onlookers. And only by developing a permanently critical attitude can men overcome a posture of adjustment.*” Dalam erti kata lain, sekiranya kita berkeyakinan untuk membangunkan pribadi dan masyarakat yang demokratis, maka haruslah kita pastikan dan merancang ke arah pendekatan pendidikan yang kritis:

“Dalam masyarakat di mana perubahan-perubahan utama dijalankan melalui musyawarah, dan di mana penilaian kembali harus didasarkan atas persetujuan dan pandangan intelektual, maka diperlukan sistem pendidikan yang sama sekali baru, yakni sistem yang memusatkan segala daya upaya untuk mengembangkan kekuatan intelektual dan menghasilkan kerangka berpikir yang dapat memkul beban skeptisisme, dan tidak berpanik, tatkala banyak kebiasaan-kebiasaan berfikir mulai lenyap.”

Pada masa yang sama, apabila disebut tentang praktis demokrasi, bukanlah setakat pendedahan para pelajar kepada cara-cara yang disebut di atas sahaja. Malahan, dalam pembelajaran menulis juga, apabila pedagogi kritis diterapkan, ianya harus menimbulkan pemikiran dialektik. Ini juga secara tidak langsung menumbuhkan penghargaan dan kemahiran melestarikan demokrasi itu sendiri. Di sini kami ingin mengaitkan pentingnya pendekatan dialektik dalam pembelajaran menulis dan berfikir. Henry Giroux mempertekankan kepentingan perspektif ini:

“Epistemologically, writing must be viewed as a dialectical process rather than an instrumental skill. As an instrumental skill, writing is limited to a static concern with traditional rhetorical categories such as argument, exposition, narration, and grammar usage....A dialectical approach would examine the writing process as a series of relationship between the writer and the subject, between the writer and the reader, and between the subject matter and the reader.”

Satu lagi perkara dalam mempraktiskan demokrasi dalam kelas ialah dengan mengiktiraf bahawa para pelajar itu sendiri mempunyai, bukan saja hak, tapi juga potensi untuk berkritis dan berkreativitas. Suara mereka harus diiktiraf, sepetimana disebut Aronowitz: ‘*If the objective of education is to empower students intellectually and, to some extent emotionally, their voice must receive validation.*’

### **Pribadi Autoritarian Jadikan Sempadan**

Untuk dapat menghargai kehadiran manusia demokratis, sebaiknya juga diketahui ciri-ciri lawannya, iaitu manusia yang memiliki watak atau etis autoritarian ataupun *totalitarian personality*, di mana kehidupannya itu disifatkan sebagai:

"pervaded by extreme emotions, by the feeling of effort and rigidity and by the tension aroused by an ambivalent attitude -- the feeling of unlimited power alternates with the feeling of impotence, the feeling of insecurity is carefully covered by an inflated sense of adventure, the fear of chaos is strongly repressed by rigid organization."

Di sini kita tidak akan menghuraikan secara terperinci sosok utama watak authoritarian kecuali menyenaraikannya sahaja. Menurut Freire, individu-individu authoritarian itu memiliki rasa angkuh dan pentingkan diri sendiri dan hanya mempedulikan pendapat mereka sahaja. Bagi mereka "*It does not matter if the obedience achieved is the result of adhering to a freedom that ethically validates the command.*" Erich Fromm pula mencirikan pemikiran authoritarian itu sebagai "*berkeyakinan bahawa kehidupan manusia ini ditentukan oleh kuasa di luar diri manusia itu sendiri, di luar kehendak dan kemahuannya.*" Watak dan cara berfikir pribadi authoritarian ini seharusnya dijadikan sempadan kerana ianya bukan saja rintangan besar kepada pelestarian pedagogi kritis, malahan ianya juga cabaran kepada budaya demokrasi yang ingin kita bangunkan dalam masyarakat.

Menurut Mannheim, masyarakat yang authoritarian itu tentunya akan menghasilkan watak manusia yang bersifat dominatif, yang menyukarkan lagi pemikiran dan etos demokrasi di kalangan kita. Watak seperti itu juga mempunyai pribadi yang bersikap *status-ridden*, yang menggunakan status yang ia ada sebagai sumber kuasa dan mengambil tempatnya dalam masyarakat. Tambahan lagi, pribadi seperti ini tidak suka dipersoal ataupun masuk dalam perbincangan kerana ia rasa lebih besar daripada yang lainnya. Watak ini juga

"cannot perform the function of integrating groups from within, nor can be, in his foreign policy, do anything but strive to subject greater territories to his rule. He may master material techniques, but cannot learn the art of evolving creative—not dominating—pattern of social integration, simply because his imagination is limited to concepts of suppression and exploitation."

Antara ciri-ciri pribadi authoritarian itu adalah: ( a ) menerima nilai-nilai konvensional secara absolut tanpa kepedulian membuat keputusan secara autonomi ; ( b ) membuat dikotomi yang tegar, seumpama tipe Manichean yang permudahkan perbedaan antara hitam atau putih, halal atau haram, islam atau kafir, baik atau jahat, *outgroup* atau *ingroup* ; ( c ) tidak gemar atau menjauhi daripada membuat kritikan secara dalaman/sendiri dan mudah pula menuding jari kepada pihak luar apabila ada masalah timbul ; ( d ) menyimpan perasaan curiga dan prejudis terhadap kelompok asing yang tidak ia senangi, ditambahkan dengan tempelan-tempelan stereotaip ke atas golongan itu ; ( e ) berfikir secara hierarkikal, dengan penekanan kepada perhubungan secara vertikal, bukan lateral ; ( f ) menolak apa jua cara berfikir yang subjektif, kreatif dan tidak kasar kerana dalam rangka fikir mereka ada dua saja posisi yang boleh diambil, iaitu sama ada berpihak bersama "kita" atau "mereka" ; ( g ) tanggapan tentang manusia sebagai makhluk yang lemah dan sememangnya pun sifatnya jahat dan mungkar ; ( h ) ia lebih cenderung memberati cara/kaedah daripada memikirkan persoalan matlamat – ertiinya persoalan teknik menjadi keutamaan, sedangkan persoalan berkenaan matlamat yang ingin dituju dan mengapa ia ingin dicapai, jarang difikirkan secara mendalam.

Demokrasi bukan sebagai landasan membenarkan sesiapa saja masuk gelanggang, iaitu pemberian kepada yang *vulgar* untuk meletakkan dan memaksakan apa yang mereka anggap sebagai “baik” kepada yang lainnya. Kepiawaian (*standard*) harus tetap dipertahankan, kalaupun ianya tidak terus dipertingkat dari masa ke semasa. Melaungkan kesamarataan bukan bererti menyamaratakan sama ada baik atau buruk. Sekiranya ini berlaku, terjadilah bencana kebudayaan, yang pantas disebut Ortega Gasset sebagai sindrom pelambakan (*mass-man syndrome*). Ini akan membawa kesan buruk kepada pembangunan intelektual dalam sesebuah masyarakat itu sendiri: *“Thus, in the intellectual life, which of its essence requires and presupposes qualification, one can note the progressive triumph of the pseudo-intellectual, unqualifiable, and by their very mental texture, disqualified.”*

\*\*\*\*\*